



Şeyh Muhammed Mehmet Adil El Kıbrıs-i Hazretleri'ne (k.s.) Ait Risaleler

MARRIAGE PERKAHWINAN

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Auzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Anwalin wal Akhbirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Sheykh Abdullah Daghestani, Sheykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sohba, wal khayru fil jamiyya.*

Kebiasaan Masyarakat hari ini hidup dengan penuh keselesaan, kesenangan dan kelenaan. Mereka mengejar nafsu dan keegoan mereka. Ini adalah punca munculnya masalah. Mereka cari jalan keluar dengan senang. Tetapi perkara yang senang ini akan diakhiri dengan kesusahan.

Misalan perkara perkahwinan. Lumrah sekali kelihatan orang yang baru berumah tangga walaupun belum setahun mereka buat keputusan untuk bercerai. Walau pun perceraian itu adalah halal tetapi pada sisi Allah s w t ia adalah perkara yang amat terbenci. Perkara cerai dilakukan dengan senang wenang kerana memuakkan status ego masing masing. Mereka akan menyesal. Tetapi terlambat.

Sememangnya Perkahwinan bukanlah senang. Dua orang dengan perwatakan dan sikap yang berlainan hidup bersama. Perkahwinan perlu ada kesabaran antara satu sama yang lain agar mereka dapat hidup bersama. Orang hari ini hilang kesabaran. Anda harus bersabar bila Allah sudah takdirkan anda berkahwin antara satu sama yang lain. Bila pasangan anda marah dan kecewa anda harus bersabar dan berdiam diri. Bila anda marah dan kecewa pula pasangan anda harus bersabar dan berdiam diri. Dengan Kesabaran anda boleh terus hidup berdamai.

Allah Azza wa Jalla memuji kesabaran:

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

“Innallaha ma’assabirin.” (Sura Baqara:153) “Allah bersama dengan orang yang sabar.” Orang yang tidak ada kesabaran akan menyesal kemudian dan akan mengalami kederitaan. Ini adalah nasehat kami pada hari ini untuk masyarakat. Jangan membesarkan perkara yang kecil. Dan jika ia adalah masalah yang besar kita harus bersabar. Dengan kesabaran masalah akan terurai. Bab pepatah “Perkara akan menjadi lebih baik dengan kesabaran”.

Ahli keluarga harus memberi nasehat kepada anak anak mereka. Kadangkala ahli Famili melaku perkara perkara yang tidak munasabah. Mereka tidak mengalak anak mereka untuk hidup bersama dan ada yang galakan perceraian. Padah akibatnya kalau bercerai. Dan ini boleh menjadi masalah kepada ahli keluarga. Moga Allah menjadi mereka orang orang yang berfikir dengan waras. Hasil kebaikan akan tercapai bila orang



Şeyh Muhammed Mehmet Adil El Kıbrıs-i Hazretleri'ne (k.s.) Ait Risaleler

mendengar nasihat. Penyesalan bagi mereka yang tidak mahu ikuti nasehat. Moga Allah tidak memberi penyesalan kepada sesiapa InsyaAllah.

Al-Fatiha.

Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil (QS)

30 November 2015, Akbaba Dargah, Sabah Namaz